



11 Disember 2014
11 December 2014
P.U. (B) 543

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN
MENGENAI KELUARAN PLAT GULUNGAN PANAS YANG
DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA**

***NOTICE OF AFFIRMATIVE PRELIMINARY DETERMINATION
OF AN INVESTIGATION WITH REGARD TO HOT ROLLED
PLATES PRODUCTS IMPORTED INTO MALAYSIA***



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN PLAT
GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 01/14)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 20(3) Akta Pelindung 2006 [Akta 657] dan peraturan 11 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [P.U. (A) 386/2007], Kerajaan telah membuat penentuan awal afirmatif berhubung dengan penyiasatan mengenai keluaran plat gulungan panas yang diimport ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 1 (“keluaran”).

Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarif

1. Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarifnya adalah seperti yang berikut:
 - (a) keluaran plat keluli gulungan panas besi atau keluli bukan aloi dan keluli aloi yang lain, yang mempunyai kelebaran 600 milimeter atau lebih, digulung panas, tidak diliputi, disadur atau disalut, yang mempunyai ketebalan antara 6 milimeter hingga 75 milimeter, dan secara spesifik tidak termasuk keluaran plat gulungan panas yang aplikasi, standard antarabangsa, gred dan tajuknya dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
 - (b) keluaran yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.51.000, 7208.52.000, 7225.40.000, dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.51.0000, 7208.52.0000, 7225.40.9000.
2. Bagi maksud subsubperenggan 1(a), keluaran plat gulungan panas yang aplikasi, standard antarabangsa, gred dan tajuknya dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak dikenakan duti pelindung sementara.
3. Bagi maksud subsubperenggan 1(b), Kod H. S. dan AHTN adalah hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung

4. Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung adalah keluaran yang dikeluarkan oleh industri dalam negeri dan mempunyai perihalan yang sama dengan keluaran yang dinyatakan dalam perenggan 1.

Sebab bagi penentuan awal afirmatif

5. Berdasarkan penyiasatan, Pihak Berkuasa Penyiasat telah mendapati bahawa terdapat kenaikan secara mutlak import keluaran semasa tempoh penentuan kemudaran iaitu mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013. Pihak Berkuasa Penyiasat mendapati bahawa industri dalam negeri telah mengalami kemudaran berkenaan dengan pengurangan syer pasaran, pengurangan dalam jualan dalam negeri, tahap produktiviti dan penggunaan kapasiti yang rendah, penurunan dalam aliran tunai, kemerosotan keuntungan dan inventori dan pulangan pelaburan yang negatif. Perkara ini telah menyebabkan dan mengancam untuk menyebabkan kemudaran yang serius kepada industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung.

Langkah sementara yang terpakai

6. Langkah sementara yang terpakai hendaklah dalam bentuk diti pelindung sementara sebanyak 23.93 peratus dan dikenakan terhadap negara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Tempoh bagi membuat penentuan muktamad

7. Penentuan muktamad berhubung dengan penyiasatan hendaklah dibuat dalam tempoh dua ratus hari mulai 14 Disember 2014.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 1 dan 2]

KELUARAN PLAT GULUNGAN PANAS YANG TIDAK DIKENAKAN DUTI PELINDUNG
SEMENTARA

<i>No.</i>	<i>Aplikasi</i>	<i>Standard antarabangsa</i>	<i>Gred</i>	<i>Tajuk</i>
1.	Automotif	JIS G3113	SAPH 310 SAPH 370 SAPH 400 SAPH 440	Plat keluli, kepingan dan jalur gulungan panas untuk kegunaan struktur automotif
		JIS G3134	SPFH 490 SPFH 540 SPFH 590 SPFH 540Y SPFH 590Y	Kepingan keluli kekuatan tinggi gulungan panas dengan kebolehbentukan diperbaik untuk kegunaan struktur automotif
2.	Dandang dan bejana tekanan	ASME – SA203/SA203M	A, B, D, E, F	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, nikel
		ASME – SA204/SA204M	A, B, D, E, F	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, molibdenum
		ASME – SA285/SA285M	A, B, C	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli karbon, kekuatan tegangan rendah dan pertengahan
		ASME – SA299/SA299M	Satu gred sahaja	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli karbon, mangan-silikon
		ASME – SA302/SA302M	A, B, C, D	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, mangan-molibdenum dan mangan-molibdenum-nikel

<i>No.</i>	<i>Aplikasi</i>	<i>Standard antarabangsa</i>	<i>Gred</i>	<i>Tajuk</i>
		ASME – SA387/SA387M	2, 12, 11, 22, 22L, 21, 21L, 5, 9, 91, 911	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, kromium-molibdenum
		ASME – SA515/SA515M	60, 65, 70	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli karbon, untuk perkhidmatan suhu pertengahan dan tinggi
		ASME – SA516/SA516M	60, 65, 70	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli karbon, untuk perkhidmatan suhu sederhana dan rendah
		ASME – SA533/SA533M	Jenis A, B, C, D Kelas 1, 2, 3	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, terlindap dan terbaja, mangan-molibdenum dan mangan-molibdenum-nikel
		ASME – SA537/SA537M	Kelas 1, 2, 3	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, dirawat haba, keluli karbon-mangan-silikon
		ASME – SA542/SA542M	Jenis A, B, C, D, E Kelas 1, 2, 3, 4 dan 4a	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, kromium-molibdenum terlindap dan terbaja
		ASME – SA553/SA553M	Jenis I, II	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, keluli aloi, 8 dan 9 peratus nikel terlindap dan terbaja
		ASME – SA738/SA738M	A, B, C	Spesifikasi standard bagi plat bejana tekanan, dirawat haba, keluli karbon-mangan-silikon untuk perkhidmatan suhu sederhana dan rendah
		ASME – SA841/SA841M	A, B, C	Spesifikasi standard bagi plat keluli untuk bejana tekanan, dihasilkan daripada